

7 Mengapakah golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British?

BUKU
TEKS
128

- A Berhasrat memperkenalkan birokrasi Barat
- B Berbincang secara tertutup dengan UMNO
- C Menetapkan sempadan antara wilayah
- D Membawa masuk buruh dari luar

8 Pertubuhan Melayu berikut dianggap sebagai golongan nasionalis Melayu radikal.

BUKU
TEKS
128

- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Barisan Tani Malaya (BATAS)
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

Apakah tindakan mereka bagi menentang kerajaan British?

- A Membentuk Pusat Tenaga Rakyat
- B Melancarkan penentangan bersenjata
- C Mengemukakan Perjanjian Persekutuan
- D Mengadakan demonstrasi besar-besaran

Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

9 Mengapakah pentadbir British menyokong konsep Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BUKU
TEKS
132

- A Memberi latihan kepimpinan
- B Menjimatkan kos pentadbiran
- C Memajukan sistem pendidikan
- D Mewujudkan keamanan negara

10 Senarai berikut merujuk kepada pegawai tinggi British yang pernah berkhidmat di negara kita.

BUKU
TEKS
133

- Sir Edward Gent
- Sir Roland Braddell
- Sir Malcolm MacDonalds

Apakah persamaan antara mereka?

- A Menggubal perlembagaan merdeka
- B Menyokong Persekutuan Tanah Melayu
- C Melancarkan usaha menghapuskan komunis
- D Menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan

11 Bagaimanakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat menarik kemasukan pelabur luar untuk melabur ke negara kita?

BUKU
TEKS
133

- A Mengecualikan cukai import
- B Menjalankan dasar buka pintu
- C Mewujudkan politik yang stabil
- D Membawa masuk golongan imigran

12 Cadangan berikut dikemukakan kepada British ketika penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

BUKU
TEKS
133

- Melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran
- Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan

Siapakah yang memberikan cadangan tersebut?

- A Sir Ralph Hone
- B L.D. Gammans
- C Dato' Onn Jaafar
- D Tunku Abdul Rahman

13 Piagam berikut telah diisytiharkan pada bulan Ogos 1941.

BUKU
TEKS
133

Piagam Atlantik

Apakah hasrat yang ingin dicapai melalui piagam tersebut?

- A Tanah jajahan diperluaskan
- B Tiada lagi perluasan wilayah
- C Peningkatan kegiatan ekonomi
- D Perpaduan di kalangan penduduk

14 Dasar berikut disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Piagam Atlantik.

BUKU
TEKS
133

Dasar Dekolonisasi

Apakah yang dimaksudkan dengan dasar tersebut?

- A Perasaan cintakan tanah air
- B Perluasan kuasa dan wilayah
- C Pembinaan negara dan bangsa
- D Proses ke arah berkerajaan sendiri

15 Negara manakah yang terlibat dalam merangka Piagam Atlantik?

BUKU
TEKS
133

- I Britain
- II Jerman
- III Perancis
- IV Amerika Syarikat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV